



IBU PEJABAT  
 JABATAN BANTUAN GUAMAN  
 [Legal Aid Department]  
 Aras 1, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang  
 Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
 62692 Putrajaya  
 Malaysia

TEL. : 03-88851000  
 FAKS : 03-88851829  
 : 03-88851830  
 : 03-88851831  
 WEB : www.jbg.gov.my



Ruj. Kami : (97) JBG/85/001/75 Jld. 7  
 Tarikh: 7 Oktober 2013

Ketua Pendaftar  
 Pejabat Ketua Pendaftar  
 Mahkamah Persekutuan Malaysia  
 Istana Kehakiman  
 Presint 3  
 62506 PUTRAJAYA



Puan,

**PEMAKLUMAN MENGENAI ANAK GUAM JABATAN BANTUAN GUAMAN TIDAK DIKENAKAN BAYARAN OLEH PESURUHJAYA SUMPAH DI MAHKAMAH**


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman pihak Puan, pegawai di Jabatan Bantuan Guaman (JBG) yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah berperanan untuk memudahkan urusan pelanggan yang diwakili oleh Jabatan ini dan melancarkan proses kerja Jabatan kerana terdapat Borang I dan II yang perlu diisi oleh anak guam yang diwakili oleh Jabatan yang memerlukan pengesahan Pesuruhjaya Sumpah sebelum sesuatu perakuan bantuan guaman boleh dikeluarkan. (Bersama-sama ini dilampirkan Borang I untuk rujukan pihak Puan)

3. Semasa membuat pengesahan borang ini, **anak guam JBG tidak dikenakan apa-apa bayaran oleh Pesuruhjaya Sumpah JBG** kerana golongan sasaran Jabatan merupakan golongan yang kurang berkemampuan dari segi kewangan dan hanya dikenakan bayaran yang minimum untuk bantuan guaman yang diberikan. Selain itu, sebagaimana Puan sedia maklum, anak guam JBG juga dikecualikan daripada membayar fi mahkamah sebagaimana yang dinyatakan oleh perenggan 21(3)(a) Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] yang berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Jika sesuatu perakuan bantuan guaman difailkan sedemikian, orang yang dibantu itu—

(a) tidaklah bertanggunggan membayar berkenaan dengan apa-apa prosiding yang dimaksudkan oleh perakuan itu fi mahkamah atau apa-apa fi yang kena dibayar bagi menyampaikan proses



*Surat asal 1*

*In. Rehman,*

*Rujukan fail Kampayan Solo bers. 3*

“Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

**AZIMAH BINTI OMAR**  
 Ketua Pendaftar  
 Mahkamah Persekutuan Malaysia  
 Istana Kehakiman

atau apa-apa fi yang kena dibayar kepada Syerif berkenaan dengan pelaksanaan proses itu;”.


4. Oleh yang demikian, Jabatan ini memohon kerjasama pihak Puan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab Mahkamah di seluruh negara agar tidak mengutip fi Pesuruhjaya Sumpah terhadap anak guam JBG berdasarkan perenggan 21(3)(a) Akta 26 sekiranya anak guam JBG mendapatkan perkhidmatan Pesuruhjaya Sumpah di mahkamah. Hal ini disebabkan oleh terdapat Mahkamah yang mengutip fi daripada anak guam JBG dan ada Mahkamah yang mengecualikan bayaran fi tersebut.

5. Kerjasama dan perhatian pihak Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(SITI ZAWAHIR BINTI MOHAMED)**  
Ketua Pengarah Bantuan Guaman  
Jabatan Bantuan Guaman